

04 APR 2002

PROJEK WILAYAH AGRO-PERINDUSTRIAN SABAH DIPERCEPATKAN

KOTA KINABALU, 4 April (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil langkah segera untuk memastikan projek Wilayah Agro-Perindustrian Sabah (SAIP) dapat dilaksanakan tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Abdul Rahim Ismail berkata penubuhan SAIP adalah komitmen kerajaan negeri kepada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya sektor pertanian diberi nafas baru selain menjadikannya sektor yang dinamik, berdaya saing dan menguntungkan.

"SAIP juga menerajui pembangunan industri-industri baru terutamanya produk semulajdi khas (SNP) dan makanan menerusi penyelidikan dan pembangunan dan penggunaan teknologi tinggi seperti bioteknologi," katanya dalam ucapan sebelum mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelaras Antara Agensi SAIF (SICC) di Institut Kajian Pembangunan di sini.

Minggu lepas, Ketua Menteri Datuk Chong Kat Kiat mengumumkan pembentukan SICC dan melantik Abdul Rahim sebagai pengerusi jawatankuasa itu yang bertanggungjawab untuk mempercepatkan pelaksanaan SAIP.

SAIP akan dibangunkan di kawasan 90 hektar berdekatan Lebuhraya Papar-Beaufort.

Abdul Rahim berkata SICC ditubuhkan sebagai langkah jangka masa pendek untuk memastikan pelaksanaan SAIP, projek perintis Sabah dalam K-Ekonomi.

-- BERNAMA

NT NAK